

# Pelaburan asing tanda keyakinan

Oleh IBRAHIM YAHAYA

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menegaskan kemaskukan pelaburan asing yang berterusan di Malaysia membuktikan pelabur luar negeri masih mempunyai kepercayaan dan keyakinan melabur di negara ini.

Katanya walaupun tidak dinafikan seluruh dunia melalui tempoh kritikal dengan pelbagai perubahan radikal, syarikat terkemuka dari Amerika Syarikat terutama di sektor elektronik, terus melabur di negara ini.

Antara syarikat-syarikat terkemuka yang sudah mencapai kejayaan di sini ialah National Semiconductor, Motorola, Hewlett Packard, Mostek, Monsanto, RCA dan General Electric.

"Saya yakin lebih banyak pelabur Amerika akan datang, sekiranya mereka bertanya kepada rakan (atau lawan) yang sudah berada di sini," katanya ketika menyampaikannya ucapan dasar di mesyuarat ke-37 Majlis Asia-Pasifik Dewan Perniagaan Amerika (AP-CAC) di sini hari ini.

Schubungan itu, beliau meminta ahli-ahli perniagaan Amerika Syarikat memilih Malaysia sebagai pusat utama dalam rancangan perkembangan mereka di

rantau ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata walaupun Malaysia mengalu-alukan pelaburan asing dari semua negara, Amerika Syarikat sentiasa menjadi sumber yang diutamakan kerana teknologi dan kepakaran mereka.

"Kita berharap pelabur Amerika memberi sumbangan ke arah pembangunan negara ini dengan menawarkan kemahiran dan pengetahuan teknologi mereka," katanya.

## Kajian

Beliau berkata hari ini Amerika Syarikat adalah salah satu daripada lima pelabur utama di negara ini.

Menurut kajian terakhir syarikat pembuatan yang menjalankan kegiatan di sini, 96 projek pembuatan dan pelancongan mempunyai kepentingan Amerika, membabitkan modal bernilai \$287.6 juta dan aset tetap berjumlah \$663.7 juta.

Angka ini tidak termasuk syarikat antarabangsa Amerika yang menyalurkan modal dari negara-negara ketiga seperti Singapura, Hong Kong, Bermuda dan Ero-

pah. Ia juga tidak termasuk pelaburan syarikat syarikat minyak terkemuka.

Pada tahun 1986, daripada 448 projek yang diluluskan, Amerika Syarikat mempunyai ekuiti dalam 25 projek bernilai \$17.1 juta.

Katanya, 60 peratus daripada projek itu adalah projek perkembangan, yang menunjukkan syarikat Amerika terus yakin dengan iklim pelaburan di sini.

Perdana Menteri juga menerangkan kerajaan telah melonggarkan garis panduan bagi penyeritaan ekuiti asing dalam sektor pembuatan dan menyediakan galakan cukai bagi bidang pembuatan, pertanian dan pelancongan.

Kerajaan juga melancarkan Tabung Pelaburan Baru bagi menyalurkan wang pada kadar faedah yang menarik bagi membiayai keupayaan pengeluaran baru dalam tiga bidang itu, katanya.

"Langkah-langkah ini diharap akan menggalakkan kegiatan pelaburan seterusnya dalam sektor pembuatan negara ini," katanya.

Beliau menerangkan beberapa program yang

dirancang oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (Mida) dalam beberapa bulan akan datang bagi menarik pelaburan Amerika, khususnya perniagaan kecil dan sederhana ke sini.

Ini termasuk mesyuarat meja bulat pada Mei/Jun di Boston, Dallas, St. Louis dan Washington D.C., seminar pelaburan/perdagangan dan pelancongan di Los Angeles, Chicago dan New York pada September/Oktober.

Selain itu, satu seminar dan lawatan sambil belajar akan diadakan untuk ahli-ahli perniagaan yang menghadiri pameran Internecon di Kuala Lumpur. Pameran semikonduktor elektronik dan perkhidmatan berkaitan diadakan pada bulan Julai.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menerangkan prospek pertumbuhan rantau Asia-Pasifik di masa depan lebih cerah daripada rantau yang lain.

Ini kerana, rantau ini mempunyai sumber asli dan tenaga buruh yang banyak, infrastruktur yang baik dan faktor kestabilan yang menjadi ciri-ciri utama bagi mencapai matlamat pertumbuhan itu.

Selain itu, pada dekad yang lalu, kadar pertumbuhan yang tinggi dicapai oleh rantau ini.

Perdana Menteri berkata walaupun pasaran bersama Asean masih menjadi impian di masa depan, negara-negara anggota sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk mencapainya.

"Adalah diharapkan beberapa halangan akan dikurangkan dan pasaran seramai 250 juta orang dengan kuasa membeli yang lebih tinggi daripada 1,000 juta penduduk China, akan dibuka," katanya.

Sekiranya ini berlaku, industri yang sudah bertapak di rantau ini akan menikmati segala kebbaikannya. Katanya, menempatkan industri di Malaysia atau negara-negara Asean yang lain akan memberi pulangan yang baik kepada pelaburan mereka.

Rakan kongsi luar negeri dalam dua Usaha-ma Perindustrian Asean yang terkemuka sudah meraih keuntungan yang besar setakat ini, katanya.

Mengenai perlindungan, beliau mahu ahli-ahli perniagaan Amerika menyedarkan kerajaan mereka mengenai keperluan untuk menolak konsep itu.